


Mendepani landskap pekerjaan di masa hadapan

[Noraniza Azmi](#) - Mac 24, 2021 @ 10:53am



Graduan menghadiri sesi pendaftaran bagi portal pekerjaan MYFutureJobs.

Ketidakpadanan pekerjaan petanda berlaku peralihan corak permintaan buruh

Negara menghadapi cabaran besar dalam menyediakan kuantiti dan kualiti bakal graduan yang bersesuaian dengan tuntutan pasaran buruh masa hadapan.

Norma baharu akibat pandemik COVID-19 dan peralihan kepada Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dijangka akan mengubah sebahagian besar landskap pasaran buruh di serata dunia, termasuklah Malaysia.


Perubahan ini akan melibatkan keseluruhan segmen pasaran buruh dengan pekerjaan kategori PMET (Professional, Pengurusan, Eksekutif dan Juruteknik) dijangka akan menerima impak yang lebih besar.

Oleh kerana kelayakan minimum pekerjaan PMET adalah Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah, maka bakal graduan harus bersedia dengan perubahan ini.

Seperti yang kita maklum, ketidakpadanan di antara kelayakan akademik dan jenis pekerjaan dalam kalangan graduan bukanlah isu baharu di Malaysia kerana ia wujud sejak lebih dua dekad yang lalu. Rajah 1 menunjukkan, bilangan graduan yang bekerja dalam pekerjaan bukan PMET pada 2019 telah meningkat sebanyak sembilan kali ganda daripada tahun 2000.

Rajah 1. Ketidakpadanan pekerjaan di kalangan graduan

Sumber. Data diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan analisis oleh Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan EIS-UPMCS (EU-ERA), PERKESO



Secara puratanya, setiap satu daripada tiga graduan adalah bekerja dalam pekerjaan bukan PMET. Ini adalah data yang dianalisa daripada Perangkaan Graduan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Analisis ke atas data Kajian Pengesanan Graduan 2019 juga menunjukkan, terdapat 32% daripada graduan yang ditinjau bekerja dalam kategori bukan PMET.

Pada suku keempat 2020, data daripada portal pekerjaan MYFutureJobs mendapati terdapat 55% pencari kerja memiliki kelulusan pendidikan tinggi berbanding dengan hanya 30% kekosongan jawatan bagi kategori PMET yang diperlukan oleh industri.

Dapatan di atas diperolehi daripada tiga data berbeza tetapi memberi mesej yang sama, iaitu saiz ketidakpadanan pekerjaan dalam kalangan graduan yang besar.

Ketidakpadanan pekerjaan yang sedang dihadapi ini secara tidak langsung memberi petanda bahawa peralihan corak permintaan buruh telahpun dan sedang berlaku.

Terdapat bidang pengajian teras yang telah mengalami defisit permintaan.

Ketidakpadanan ini dijangka akan bertambah mendalam jika institusi pendidikan tinggi lambat bertindak dalam menyesuaikan kurikulum dengan tuntutan pasaran buruh semasa dan masa hadapan.

Penghususkan kepelbagaian bidang

Adaptasi kepada peralihan teknologi dijangka akan lebih cepat berlaku di era pasca COVID-19.

Mengikut laporan The World Economic Forum iaitu Job of Tomorrow 2020, permintaan pekerjaan berintensifkan tenaga buruh dijangka akan menurun pada masa hadapan kerana peningkatan permintaan untuk pekerjaan yang menjurus kepada penggunaan teknologi dan kemahiran baharu (rujuk Rajah 2).

Rajah 2. 15 jenis pekerjaan yang berlaku peningkatan dan penurunan permintaan

Sumber: Future of Jobs Survey 2020, World Economic Forum

 Peningkatan Permintaan	 Penurunan Permintaan
1 Penganalisis Saintis Data	1 Kerani Kemasukan Data
2 AI dan Pakar Pembelajaran Mesin	2 Pentadbir dan Setiausaha Eksekutif
3 Penganalisis Data Raya	3 Kerani Perakaunan, Simpan kira dan Gaji
4 Pakar Pemasaran dan Strategi Digital	4 Akauntan dan Juruaudit
5 Pakar Proses Automasi	5 Pemasangan dan Pekerja Kilang
6 Profesional Pembangunan Perniagaan	6 Pengurus Perkhidmatan Perniagaan dan Pentadbiran
7 Pakar Transformasi Digital	7 Pekerja Maklumat dan Khidmat Pelanggan
8 Penganalisis Keselamatan Maklumat	8 Pengurus Am dan Operasi
9 Pembangun Perisian dan Aplikasi	9 Mekanik dan Pembaik Mesin
10 Pakar Internet of Things	10 Kerani Kiraan Stok dan Bahan
11 Pengurus Projek	11 Penganalisis Kewangan
12 Pengurus Perkhidmatan Perniagaan dan Pentadbiran	12 Kerani Perkhidmatan Pos
13 Profesional Pangkalan Data dan Rangkaian	13 Kerani Rakaman Bahan dan Penyimpan Stok
14 Jurutera Robotik	14 Pengurus Perhubungan
15 Penasihat Strategi	15 Juruwang Bank dan Kerani Berkaitan

Antara pekerjaan yang akan mengalami defisit permintaan adalah Kerani Kemasukan Data, Pentadbiran dan Setiausaha Eksekutif, Kerani Perakaunan dan Kerani Pembukuan dan Gaji, Akauntan dan Juruaudit, Pekerja Kilang dan Pemasangan, serta Pengurus Perkhidmatan Perniagaan dan Pentadbiran.

Ini adalah contoh pekerjaan yang berisiko apabila peralihan teknologi automasi berlaku.

Peningkatan proses automasi di tempat kerja berpotensi meningkatkan produktiviti dan memajukan skop pekerjaan secara meluas.


Teknologi automasi dapat membantu menghilangkan beban kerja pentadbiran yang berulang dan membolehkan pekerja menumpukan perhatian untuk menyelesaikan masalah yang lebih kompleks sambil mengurangkan risiko kesilapan, yang membolehkan mereka memberi tumpuan kepada tugas nilai-tambah.

Jenis pekerjaan yang dijangka meningkat di masa hadapan adalah antaranya Penganalisis dan Saintis Data, Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence), Pengkhususan Data Raya, Pemasaran dan Strategi Digital, dan Pengkhususan Proses Automasi. Corak permintaan pekerjaan di masa hadapan juga akan terarah kepada pekerjaan yang memerlukan pengkhususan kepelbagaian bidang dan tidak lagi cenderung kepada satu-satu bidang pengkhususan.

Pekerjaan baharu itu seperti Data dan AI (Artificial Intelligence), Pembangunan Produk dan Pengkomputeran Awan (Cloud Computing) memberikan lebih banyak peluang kepada kepelbagaian sempadan pekerjaan.

Rajah 3. Pemetaan kepelbagaian bidang masa hadapan

Sumber: Graf Ekonomi



Keadaan ini jelas ditunjukkan dalam Rajah 3. Sebagai contoh, kemahiran sebagai pekerja Pemasaran, Penjualan, Pembangunan Perniagaan dan Kewangan perlu juga diimbangi dengan kemahiran tambahan yang mempunyai nilai tambah yang lebih tinggi seperti Data dan AI, Pembangunan Produk, Pengkomputeran Awan dan Kejuruteraan.

Begitu juga, seorang jurutera juga perlu memiliki pengetahuan dalam bidang pemasaran dan teknologi maklumat.

Skop bidang keratan rentas ini akan memberi tumpuan kepada kepelbagaian kemahiran berteraskan pendigitalan teknologi.

Tuntutan kepada dinamika institusi pendidikan tinggi



Temuduga antara majikan dan graduan di salah satu karnival kerjaya anjuran PERKESO.

Peralihan teknologi dan perubahan struktur ekonomi pasca COVID-19 menuntut kepada peralihan dan pembaharuan institusi pendidikan tinggi (IPT).

IPT tidak boleh bertindak seperti business-as-usual lagi kerana perubahan pasaran buruh sedang berlaku dan momentumnya akan lebih kuat dalam tempoh lima tahun akan datang.

IPT tidak boleh lagi berterusan mengeluarkan graduan dan industri yang mengambil graduan benar-benar wujud.

Sinergi ini penting bukan sahaja untuk mempercepatkan pepadanan pekerjaan tetapi juga memastikan inovasi yang diilhamkan di IPT dapat direalisasikan dalam sektor industri.

Dinamika IPT perlu bagi memastikan mereka terus relevan di masa akan datang dan juga melengkapkan graduan dengan pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian dengan tuntutan pasaran buruh masa hadapan.

Penjajaran semula perindustrian yang bernilai tinggi


Tidak adil jika sektor pendidikan sahaja yang dilihat sebagai punca ketidakpadanan pekerjaan dalam kalangan graduan.

Ketidakpadanan pekerjaan wujud akibat daripada ketidakseimbangan di antara penawaran oleh sektor pendidikan (output graduan) dan permintaan oleh industri (kekosongan jawatan). Analisis yang dijalankan oleh Pusat Kajian Pasaran Buruh

Masa hadapan EIS-UPMCS, PERKESO mendapati pelaburan (pembentukan modal kasar) hanya mencipta 17.6% peluang pekerjaan mahir manakala 82.4% lagi adalah pekerjaan separa mahir dan berkemahiran rendah (rujuk Rajah 4).

Rajah 4. Penciptaan pekerjaan oleh komponen penggunaan akhir (%)

Sumber. Data diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan analisis oleh Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan EIS-UPMCS (EU-ERA), PERKESO



Begitu juga, eksport hanya menjana 14.6% pekerjaan mahir manakala selebihnya pekerjaan separa mahir dan berkemahiran rendah.

Keadaan ini menuntut perubahan strategik serta peralihan corak dan arah tuju perindustrian negara ke arah yang lebih bernilai tinggi dan berasaskan pengetahuan, selaras dengan perkembangan teknologi semasa yang dipacu oleh IR 4.0.